

Bil. 14/2021 – C19(M) 28062021

EDARAN DALAMAN
ANGGOTA KERJA SAHAJA

**PENGUMUMAN TERKINI:
PELANJUTAN FASA 1 PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) MENYELURUH**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

1. Selaras dengan pengumuman yang dibuat oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Kanan Pertahanan, melalui kenyataan media yang bertarikh 27 Jun 2021 berkenaan pengekalan **Fasa 1 Perintah Kawalan Pergerakan PKP Menyeluruh** sehingga tiga indikator nilai ambang utama dicapai, pihak Pengurusan UNITEN bersetuju untuk meneruskan Kaedah Bekerja Dari Rumah (*Work From Home*) **untuk semua anggota kerja sehingga satu tarikh yang akan diumumkan kemudian.**
2. Sehubungan dengan itu, **Edaran Bil. 11/2021-C19(M)31052021** bertajuk **Pengumuman Terkini: Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Total Lockdown Fasa Pertama (Edaran Anggota Kerja)** yang diedarkan pada 31 Mei 2021 lalu adalah masih berkuat kuasa dan harus dipatuhi oleh semua anggota kerja UNITEN.
3. Semua anggota kerja adalah diingatkan agar sentiasa mematuhi arahan PKP dari semasa ke semasa dan mengamalkan kawalan sendiri seperti yang disarankan oleh KKM. Semua anggota kerja turut disarankan untuk menjaga kebersihan iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun / *hand sanitizer*, amalkan penjarakan fizikal sekurang kurangnya 1 meter dan memakai pelitup muka. Sekiranya terdapat tanda-tanda dan sebarang gejala, anggota kerja harus mendapatkan rawatan dari klinik berdekatan dengan kadar segera.



4. UNITEN akan mengeluarkan pemakluman lanjut kepada anggota kerja dari semasa ke semasa. Semua anggota kerja juga diminta untuk mengambil maklum dan mematuhi arahan seperti yang telah ditetapkan. Semoga segala inisiatif yang diambil ini mendapat sokongan dan kerjasama semua bagi memastikan kesihatan dan kesejahteraan bersama.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi *UNITEN COVID-19 Taskforce* melalui emel covid19taskforce@uniten.edu.my.

Sekian, terima kasih.

Prof. Dato' Ir. Dr. Kamal Nasharuddin bin Mustapha FASc, FIEM

Naib Canselor

Universiti Tenaga Nasional

28 Jun 2021